

D349

R B456 A A B
CHOGM - UNDANG-UNDANG
(I)

KUALA LUMPUR, 16 OKT (BERNAMA) -- BRITAIN HARUS MENERIMA HAKIKAT BAHAWA IA TIDAK BOLEH MEMAKSA NEGARA LAIN SUPAYAMENURUTI UNDANG-UNDANG DAN PERATURANANNYA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

KETIKA MENJAWAP SOALAN SEORANG WARTAWAN DARI NEGARA ITUPADA PERSIDANGAN AKHBAR PRA-MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) DI SINI HARI INI, BELIAU MENEGASKAN MALAYSIA TIDAK MAHU TERIKAT DENGAN UNDANG-UNDANG BRITISH DISEBABKAN OLEH SISTEM (PENTADBIRAN) YANG BERBEZA.

+SOALNYA UNDANG-UNDANG UMUMITUUMUMBAGI SIAPA?. JIKA IANYA UMUM UNTUK RAKYAT BRITAIN IA TIDAK SEMESTINYAUMUM KEPADA RAKYAT MALAYSIA. KAMI MEMPUNYAI NILAI SISTEM'DAN KEBUDAYAAN YANG TERSENDIRI, YANG MENJADI ASAS KEPADA UNDANG-UNDANG NEGARA KAMI.+

+DENGAN MERUJUK KEPADA KES YANG BERLAKU DI BRITAIN, BOLEH JADI 20 ATAU 100 TAHUN DAHULU, DAN BERLANDASKAN KEPADA ITU MAKA KEPUTUSAN PUN DIBUAT DI MAHKAMAH DI NEGARA INIBAGI KES YANG BERLAKU MASA KINI, SAYA RASA INI TIDAK BETUL,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

BELIAU BERKATA RAKYAT MALAYSIA MEMPUNYAICARA BERFIKIR TERSENDIRI, NILAI SISTEM SENDIRI DAN CARA TERSENDIRI DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN BAGAIMANA KES ITU BOLEH DISELESAIKAN. -- LAGI
1422MST 16 10 89

D354

R B457 A A B
CHOGM - UNDANG-UNDANG 2 KUALA LUMPUR

+SAYA AGAK PASTI RAKYAT BRITAIN ADALAH BERPANDANGAN BEBAS DAN CUKUP BEBAS PULA DALAM MENERIMA HAKIKAT BAHAWA MEREKA TIDAK BOLEH MEMAKSA PERATURAN MEREKA KE ATAS ORANG LAIN,+TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BELIAU SEDAR ADANYA SEGELINTIR RAKYAT HALAYSIA MAHU HELAKSANAKAN UNDANG-UNDANG BRITAIN DI NEGARA INI, TETAPI TAMBAHNYA, MEREKA HANYALAH MERUPAKAN KUMPULAN KECIL YANG TIDAK MENDAPAT SOKONGAN DARI KEBANYAKAN RAKYAT MALAYSIA.
-- BERNAMA.

1429MST 16 10 89